

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR (TANJONG  
KARANG)**

**SOALAN**

**TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR [ TANJONG KARANG ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan jumlah perangkaan kematian rakyat  
Malaysia di bawah umur 12 tahun mengikut kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh  
dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 11,116 kematian individu  
warganegara Malaysia berumur 12 tahun dan ke bawah telah didaftarkan  
dan direkodkan. Perincian rekod kematian berkenaan mengikut kaum  
adalah seperti mana berikut:-

- a. Melayu : 7,812 orang;
- b. Cina : 967 orang;
- c. India : 480 orang;
- d. Etnik Sabah : 844 orang;
- e. Etnik Sarawak : 565 orang;
- f. Orang Asli Semenanjung : 279 orang; dan
- g. Lain-Lain Keturunan : 169 orang.